

06/10/2002

Paderi tidak berhak (HL)

Munaarfah Abu Bakar; Sharifah Salwa Syed Akil

KUALA LUMPUR: Mereka yang menghina Nabi Muhammad saw dengan menyifatkannya sebagai pengganas tidak memahami Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dia tidak faham apa-apa, dia tak faham agama Islam," katanya mengulas laporan yang menyebut tokoh paderi Kristian di Amerika Syarikat, Jerry Falwell, dalam satu wawancara program '60 Minutes' stesen televisyen CBS, menyifatkan Rasulullah seorang pengganas. CBS dijadual menyiarkan wawancara itu esok.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan parti Gerakan di sini semalam. Perdana Menteri berkata paderi berkenaan tidak berhak mengeluarkan kenyataan sedemikian.

Ditanya sama ada kenyataan sedemikian dibuat oleh seorang paderi menunjukkan bahawa masyarakat Kristian jahil mengenai Islam, Dr Mahathir berkata, satu-satunya yang jahil ialah orang yang membuat kenyataan itu.

"Saya tidak mahu menuduh semua penganut Kristian, hanya seorang yang membuat kenyataan sedemikian," katanya sambil menambah, umat Islam tidak seharusnya terlalu mengambil berat perkara itu.

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Mohd Shahir Abdullah, umat Islam tidak perlu cepat melatah mengenai perkara itu, sebaliknya mencari satu formula terbaik untuk memperbetulkan kekeliruan yang sering ditimbulkan oleh bukan Islam terhadap penganut Islam di seluruh dunia.

"Kita seharusnya menggunakan pendekatan yang lebih berhemah untuk mengatasi kekeliruan ini," katanya.

Beliau menyifatkan pendapat Falwell itu menggambarkan kejahilannya kerana sifat sebenar Rasulullah ialah lemah lembut, penyayang dan bertimbang rasa.

"Apabila dia kata Nabi Muhammad seorang pengganas, keras dan suka berperang, memanglah tidak betul. Walaupun dianiaya golongan kafir, Baginda tidak pernah membalas perbuatan itu.

"Baginda berperang kerana Islam membenarkannya berikutan kekejaman serta penindasan yang dilakukan oleh golongan kafir terhadap umat Islam," katanya.

Sementara itu, Naib Pengerusi Majlis Antarabangsa Pertubuhan Evangelikal Sedunia, Rev Wong Kim Kong, menyifatkan kenyataan Falwell itu melampau dan tidak sewajarnya dikeluarkan oleh seorang yang dianggap berpengetahuan luas dalam bidang agama.

Beliau berkata, pihaknya tidak mengetahui apa motif sebenar di sebalik kenyataan menghina Nabi Muhammad.

Sebagai pemimpin agama, katanya, Falwell tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan itu, yang boleh menaikkan kemarahan penganut Islam di seluruh dunia sekali gus membangkitkan kembali pertelingkahan Islam dan Kristian.

"Saya yakin, penghinaan ke atas Nabi Muhammad itu dibuat berdasarkan pandangan peribadinya dan bukan mewakili keseluruhan paderi atau penganut Kristian seluruh dunia.

"Majlis antarabangsa yang dianggotai semua pemimpin Kristian dari seluruh dunia langsung tidak tahu menahu mengenai kenyataan Jerry Falwell itu. Sepatutnya saya kenal siapa Jerry dan tahu kewujudannya tetapi terus terang saya katakan, saya langsung tidak mengenalinya," katanya.

Wong mengakui kenyataan berkenaan memang melukakan perasaan umat Islam kerana agama adalah sesuatu yang sensitif apa lagi ia membabitkan pemimpin

agung sesuatu agama atau kepercayaan.